



PERBICARAAN/PERBICARAAN

بجنتن كحاكيمن شرعية مليسيا
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my


Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 6(19)
Takwim : 6 Jamadil Awal 1442H
Tarikh : 11, Disember 2020

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

**ARAHAN AMALAN NO. 9 TAHUN 2020
TATACARA PERMOHONAN BAGI MENGETEPIKAN PROSIDING
KERANA TAK TERATUR DALAM KES MAL**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-75 Bil. 3 dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2020 pada 14 hingga 15 Safar 1442H bersamaan 3 hingga 4 Oktober 2020 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Tatacara Permohonan bagi Mengetepikan Prosiding kerana Tak Teratur dalam Kes Mal di bawah Seksyen 5 dan 6 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri seperti di lampiran.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa dengan serta-merta.


DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

Lampiran

TATACARA PERMOHONAN BAGI MENGETEPIKAN PROSIDING KERANA TAK TERATUR DALAM KES MAL

1. Tertakluk pada Seksyen 5 dan 6 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, mana-mana pihak yang ingin membuat apa-apa Permohonan bagi Mengetepikan Prosiding kerana Tak Teratur dalam Kes Mal hendaklah menyatakan hasrat untuk berbuat demikian di hadapan Hakim Bicara sebelum memulakan apa-apa tindakan.
2. Hakim Bicara hendaklah menentukan dan mengarahkan sama ada;
 - a) permohonan tersebut boleh didengar secara lisan dan diputuskan dalam kes induk; atau
 - b) tertakluk pada Seksyen 187 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, membenarkan permohonan tersebut difailkan melalui Notis Permohonan dengan menggunakan Borang MS 49 (Permohonan Interlokutori) dan didaftarkan sebagai suatu Permohonan Interlokutori dengan kod pendaftaran kes 041.
3. Tiada apa-apa dokumen pembuktian boleh dikemukakan semasa pendengaran permohonan ini.
4. Permohonan tersebut hendaklah didengar oleh Hakim Bicara, yang mana prosiding tak teratur itu dikatakan berlaku.
5. Tertakluk pada Seksyen 222 Akta/ Enakmen/ Ordinan Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, Hakim Bicara boleh memutuskan permohonan tersebut dengan mengenakan kos atau tanpa kos.